

20hb. September, 1980.

Semua Yang DiPertua, Mahkamah Sesyen,
Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi,
Semua Majistret dalam Semenanjung Malaysia.

Dato'/Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. (A)17/80.

Menanda Tangani Surat Rasmi Pejabat dan Alamat Surat Rasmi.

Saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa Jabatan ini sering menerima surat dari Pejabat-Pejabat kita yang ditandatangani oleh Pegawai atau Kakitangan bawahan. Adakalanya setengah surat dialamatkan terus kepada Pegawai atau Kakitangan perseorangan di-Jabatan ini. Amalan semacam ini tidaklah teratur dan tidak boleh diamalkan lagi.

2. Oleh yang demikian, dengan tersibarnya Pekeliling ini, Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan bahawa surat-surat Rasmi Pejabat hendaklah ditandatangani oleh Pegawai-Pegawai seperti dibawah ini:

2.1 Surat-surat dari Mahkamah-mahkamah Tinggi di-tandatangani oleh Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar.

2.2. Surat-surat dari Mahkamah-mahkamah Sesyen di-tandatangani oleh Yang DiPertua atau Pendaftar Kanan atau Pendaftar.

2.3. Surat-surat dari Mahkamah-mahkamah Majistret ditandatangani oleh Majistret atau Pendaftar (bagi Mahkamah-mahkamah Majistret yang ada Pendaftar).

3. Manakala mengalamatkan surat ke Jabatan ini, alamat yang hendak digunakan ialah seperti dibawah ini:

3.1. Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan,
Jalan Raja,
Kuala Lumpur. 01-02.

* (U/P: Disini bolehlah dituliskan nama Pegawai yang bertanggungjawab terus atas perkara yang dirujukkan):

* Puan Siti Norma Yaakob ... Ketua Pendaftar (hal-hal
Perundangan dan Polisi)
atau

* En. Abdul Hamid B. Haji ... Timbalan Pendaftar.
Mohamed.

En. Abdul Razak B. Mohd. ... Ketua Pegawai Pentadbir
Nordin. (Hal-Hal Pentadbiran,
Pembangunan, Kewangan,
Perjawatan).

En. Ghazali B. Taharin ... Pegawai Pentadbir.
(Hal-hal Pentadbiran dan Perjawatan).

En. Wan Yunus B. Wan ... Pegawai Pembangunan.
(Hal-hal Pembangunan).

En. Razali B. Danin ... Pegawai Kerja Akaun I
(Hal-hal Kewangan).

Cik Wan Hapsah Zawidah ... Pegawai Kerja Akaun II
Binti Wan Ashaari (Hal-hal Kewangan -
membantu Pegawai Kerja Akaun I).

En. Zainal Abidin B. ... Pegawai Kerja Am.
Mohd. Isa (Hal-hal Pentadbiran).

4. Jika ada perkara-perkara yang diragukan, sila kemukakan untuk perhatian Ketua Pendaftar sendiri. (U/P: Puan Siti Norma Yaakob).

Sekian, dimaklumkan.

"BERHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.
(SITI NORMA YAAKOB)
Ketua Pendaftar.

s.k.
Timbalan Pendaftar/Ketua Pegawai Pentadbir/Pegawai Pentadbir/Pegawai
Pembangunan/Pegawai Kerja Akaun I,II/Pegawai Kerja Am/Semua
Setiausaha-Setiausaha Hakim.